

HUKUMAN ALTERNATIF BAGI KESALAHAN PERCUBAAN SUMBANG MAHRAM DI MAHKAMAH SYARIAH

Sharifah Umairah Datu Asal

Pelajar Siswazah, Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Sharifahumairah14@gmail.com

Nurhidayah Samsul

Pegawai Undang-undang,
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
98dayah@gmail.com

Nur Khairunnisa Najwa Hamdan

KLIA Professional and Management College
Khairunnisanajwa25@gmail.com

Ahmad Azam Mohd Shariff

Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
aazam@ukm.edu.my

Mohamad Azhan Yahya*

Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
azhan@ukm.edu.my

Mohd Sabree Nasri

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
mohdsabree@unimel.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 6 April 2024

Accepted Date: 3 Jun 2024

Published Date: 20 December 2024

ABSTRAK

Kesalahan sumbang mahram merupakan isu yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Artikel ini membincangkan pelaksanaan hukuman alternatif ke atas kelakuan percubaan persetubuhan mahram bagi menangani kesalahan persetubuhan mahram. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif. Pendekatan kajian kepustakaan telah digunakan bagi menemukan dapatan kajian. Hasil dapatan kajian artikel ini turut disokong dengan temu bual ke atas pengamal undang-undang syariah. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat keperluan untuk melaksanakan hukuman alternatif ke atas pesalah kesalahan percubaan persetubuhan mahram. Artikel ini juga mendapati hukuman alternatif dapat memberikan kesan yang baik bagi mendidik pesalah syariah. Artikel ini akhirnya mencadangkan agar wujudnya peruntukan khusus serta urus tadbir hukuman alternatif. Akhirnya, penulisan ini turut mencadangkan agar pelaksanaan hukuman alternatif

ke atas kesalahan percubaan persetubuhan mahram ini dapat dilaksanakan secara komprehensif.

Kata Kunci: *Hukuman Alternatif, Mendidik, Kesalahan, Percubaan Persetubuhan Mahram, Urus Tadbir*

ALTERNATIVE SENTENCING FOR ATTEMPTED INCEST OFFENSES IN SHARIA COURTS

ABSTRACT

Incestuous offenses have increasingly become a matter of concern within Malaysian society. This article discusses the implementation of alternative sentencing for attempted incestuous behavior as a means to address such offenses. The study employs a qualitative methodology, utilizing a library research approach to derive findings, which are further supported by interviews with Sharia law practitioners. The research findings indicate a pressing need for the implementation of alternative sentencing for offenders involved in attempted incest. The study also concludes that alternative sentencing can have a positive impact on rehabilitating Sharia offenders. Finally, the article recommends the establishment of specific provisions and governance for alternative sentencing. Moreover, it advocates for the comprehensive implementation of alternative sentencing for attempted incest offenses.

Keywords: *Alternative Sentencing, Rehabilitation, Offenses, Attempted Incest, Governance*

PENGENALAN

Sumbang mahram merupakan gejala sosial yang semakin meningkat dengan serius dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta perbahasan isu-isu di Parlimen, sejak tahun 2006 sehingga tahun 2016, sebanyak 3,272 kes melibatkan kegiatan sumbang mahram telah dilaporkan (Khairul Azhar, 2019). Selain itu, menurut sebuah laporan akhbar tempatan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, sebanyak 479 kes sumbang mahram dilaporkan sepanjang tahun 2019 sehingga Februari 2021 (Afham, 2021).

Daripada statistik kes yang telah direkodkan, dapat dinyatakan bahawa sumbang mahram merupakan satu perbuatan yang dikategorikan sebagai perbuatan yang jijik dan terkutuk serta bertentangan dengan lumrah kehidupan manusia kerana perbuatan ini berlaku dalam kalangan ahli keluarga. Kebanyakan kes sumbang mahram ini melibatkan ahli keluarga sendiri terutamanya antara bapa kandung dengan anak, bapa tiri atau bapa angkat, bapa saudara, bapa mertua dan menantu, dan antara abang dan adik, adik dan kakak, atau pun ibu dan anak, datuk dengan cucu dan sebagainya. Berdasarkan rekod daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), bapa merupakan individu utama dalam kes-kes yang melibatkan sumbang mahram, dan kebanyakan mangsa adalah terdiri daripada kanak-kanak di bawah usia 18 tahun (Afham, 2021).

Perundangan Syariah di Malaysia memperuntukkan hukuman takzir yang terhad kepada hukuman maksimum 3:5:6. Namun, menurut informan yang merupakan pendakwa syarie kanan di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan, hukuman tersebut tidak mencukupi dan kurang memberi keinsafan kepada pesalah sedangkan hukuman menurut prinsip syariah hendaklah bertujuan *taadib* atau pemulihan untuk memberi keinsafan kepada pesalah agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Oleh itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan hukuman alternatif berbentuk *taadib* atau pemulihan ke atas pesalah kesalahan percubaan sumbang mahram.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian perundangan dan rekabentuk kajian ialah kajian kualitatif (Fattah, Mustaqim, Azhan & Azam, 2023). Kajian ini menyentuh mengenai hukuman kesalahan sumbang mahram di Mahkamah Syariah. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan untuk mengumpul dan menganalisis sumber primer seperti laporan kes-kes mahkamah dan statut (Azhan, Azam & Suhaizad, 2023). Data sekunder seperti artikel, akhbar, e-jurnal dan tesis/disertasi turut diperolehi untuk mendapatkan analisis yang lebih komprehensif. Kajian ini turut menggunakan metode kajian secara temu bual iaitu dengan menemubual pengamal undang-undang Syariah secara dalam talian. Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta maklumat berkenaan perkara yang dikaji bagi menyokong hasil dapatan kajian (Hammad et.al, 2021).

PRINSIP SYARIAH

Sumbang Mahram dalam Islam

Dalam konteks hubungan seksual, Islam juga telah memperuntukkan undang-undang yang tersendiri. Walaupun manusia diberikan kebebasan untuk menyalurkan hasrat seksualnya, namun ini bukan bererti mereka boleh melakukan kebebasan seksual dengan sewenang-wenangnya. Hal ini kerana kebebasan menyalurkan dorongan seksual wajib dalam ikatan nikah kahwin yang sah berdasarkan hukum syarak yang telah ditetapkan oleh Islam. Allah SWT juga telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 223 yang bermaksud:

“Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertakwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman.”

Islam telah menerangkan bahawa terdapat tiga sebab yang boleh menjadi penghalang untuk seorang lelaki dan seorang perempuan berkahwin buat selama-lamanya iaitu pernikahan, keturunan dan juga penyusuan. Golongan-golongan yang diharamkan berkahwin ini telah dinyatakan secara jelas oleh Allah SWT dalam Surah Al-Nisa, ayat 23 yang bermaksud:

“Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu

yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Oleh hal yang demikian, haram hukumnya bagi seorang lelaki berzina dengan seorang perempuan yang mempunyai ikatan pertalian darah, perkahwinan atau penyusuan walaupun suka sama suka atau disebabkan paksaan. Perlakuan ini merupakan satu kesalahan dosa besar dan haram di sisi Islam.

Perbuatan zina antara lelaki dan perempuan yang mempunyai ikatan perkahwinan, nasab keturunan atau penyusuan ini juga dikenali sebagai perbuatan sumbang mahram. Menurut kamus dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), dari segi bahasa, sumbang bermaksud tidak mematuhi adat atau kebiasaan, kesopanan dan sebagainya manakala mahram bermaksud mana-mana lelaki dan perempuan yang diharamkan berkahwin menurut agama Islam kerana hubungan kekeluargaan yang rapat. Oleh itu, sumbang mahram boleh didefinisikan sebagai hubungan antara lelaki dan perempuan yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dan dilarang bernikah oleh adat dan agama. Definisi ini juga disokong oleh Adam Seymour (2013) dalam artikelnya yang bertajuk “*The Authorization of Incest in Islam*”, di mana beliau mengatakan bahawa perbuatan sumbang mahram ini merupakan satu perlakuan yang dilarang sama sekali di dalam mana-mana negara dan ia juga larangan bergantung kepada keadaan dan tradisi sesuatu tempat. Menurut Sabariah Salleh (2018), sumbang mahram merupakan perbuatan zina atau hubungan seks yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai pertalian darah atau nasab (keturunan) dengan mangsa.

Merujuk kepada falsafah Maqasid Syariah, perbuatan sumbang mahram merupakan perbuatan terkutuk dan dilaknat oleh Islam kerana ia menjejaskan kemuliaan nasab keturunan, kesucian dan kehormatan diri manusiawi (Ramizah & Farid, 2020). Oleh itu, setiap manusia dilarang agar tidak sekali-kali mendekatinya. Allah SWT juga telah berfirman dalam Surah Al-Isra’, ayat 32 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Secara ringkas, sumbang mahram adalah sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan salah laku seksual yang dilihat sebagai sesuatu yang jijik dan terkutuk serta haram dilakukan kerana ia melibatkan jenayah seksual seperti rogol atau pencabulan yang dilakukan dalam kalangan ahli keluarga (Azhar, 2019). Jika perbuatan ini dilakukan, maka seseorang itu telah melakukan dosa besar dan boleh dihukum berdasarkan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh hal yang sedemikian, amatlah penting pembelajaran ilmu akidah dan akhlak serta ilmu seksual untuk mendidik umat Islam tentang siapakah yang boleh digauli secara baik dan siapa yang harus dihindari pergaulannya agar kesalahan akhlak dan kesusilaan seperti sumbang mahram tidak akan terjadi.

Hukuman Alternatif Menurut Pandangan Islam

Hukuman menurut bahasa Arab adalah *uqubah* yang bermaksud suatu pembalasan untuk mencegah manusia daripada melakukan perkara yang dilarang oleh syariat. Ia dikenakan terhadap pesalah yang telah disabitkan melakukan kesalahan jenayah menurut Syarak (Hasnizam, et.al, 2021). Dalam undang-undang Jenayah Islam, terdapat tiga jenis hukuman iaitu hudud, qisas dan takzir. Sementara itu, hukuman alternatif secara umumnya adalah hukuman yang termasuk di bawah hukuman takzir dimana bentuk dan jenis hukuman ditentukan berdasarkan budi bicara hakim (Nurhidayah & Zanariah, 2021). Menurut YAA Dato' Yusof Musa, hukuman alternatif merupakan hukuman selain daripada hukuman penjara, sebat dan juga denda. Dalam erti kata lain, hukuman alternatif adalah hukuman ganti kepada hukuman-hukuman yang sedia ada dalam bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah (Jasri & Hasnizam, 2016).

Manakala dalam konteks undang-undang dan Mahkamah Syariah, hukuman alternatif ini boleh merujuk kepada hukuman ganti kepada kegagalan membayar denda iaitu penjara atau hukuman pemulihan akhlak atau akidah di pusat bimbingan Islam (Siti Zubaidah, 2011). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hukuman alternatif adalah hukuman pilihan lain yang boleh diputuskan kepada pesalah selain daripada hukuman kebiasaan yang diperuntukkan oleh undang-undang Syariah.

Islam amat berpegang teguh kepada prinsip “Amar Makruf Nahi Mungkar” di mana Islam menyeru umatnya melakukan kebaikan dan mencegah kejahatan. Objektif utama penghukuman diputuskan terhadap pesalah secara asas adalah sebagai pembalasan setimpal di atas kesalahan yang dilakukan serta untuk memulih dan mencegah pesalah daripada berterusan mengulangi kesalahan (Nurhidayah & Zanariah, 2022). Secara tidak langsung, ia turut dapat mencegah orang lain daripada melakukan perkara yang sama di samping untuk memelihara masalah dan kepentingan awam.

PENGAPLIKASIAN PERUNDANGAN PADA MASA KINI

Peruntukan Kesalahan Percubaan Sumbang Mahram

Sebelum seseorang itu didapati bersalah ke atas sesuatu kesalahan jenayah syariah, semua elemen-elemen utama kesalahan jenayah syariah tersebut perlu dibuktikan terlebih dahulu. Dalam konteks jenayah syariah untuk sumbang mahram, berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas, terdapat dua elemen yang perlu dibuktikan untuk kesalahan sumbang mahram iaitu berlakunya persetujuan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan dan kedua-dua pihak itu mempunyai hubungan yang haram untuk dinikahi. Informan dalam temu bual juga telah menyatakan bahawa sebelum menjatuhkan hukuman, adalah perlu dibuktikan bahawa kedua-dua pihak itu adalah beragama Islam dan berlakunya perbuatan zina di antara mereka yang haram untuk berkahwin. Hal ini telah dinyatakan oleh informan yang merupakan pendakwa syarie kanan, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan seperti berikut:

“Elemen mestilah satu ialah orang Islam, okay, yang kedua mestilah perbuatan itu adalah perbuatan zina. Bila kita cakap zina dia mestilah ada memasukkan yang itu kan, yang perbuatan tu di antara dua orang, lelaki dan perempuan haram berkahwin”

Selain itu, jika melihat peruntukan sumbang mahram dalam seksyen 62 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan dan seksyen 45 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak, ia menyatakan “mana-mana orang yang melakukan persetubuhan atau kelakuan sumbang...adalah melakukan kesalahan”. Terma “kelakuan sumbang” ini boleh merujuk kepada perbuatan perkahwinan di antara mereka (pasangan yang haram untuk berkahwin) jika kita amati pendekatan dalam Surah Al-Nisa ayat 23. Oleh itu, meskipun tiada persetubuhan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak, perkahwinan di antara mereka (pasangan yang haram untuk berkahwin) adalah cukup untuk memenuhi elemen kelakuan sumbang. Hal ini telah dinyatakan oleh informan dalam temu bual seperti berikut:

“Di Negeri Sembilan, dia cakap perlakuan sumbang. Bagi saya perlakuan sumbang ini boleh berkaitan dengan perkahwinan. Orang itu kahwin je walaupun dia tak bersetubuh, yang penting dia adalah orang-orang yang haram, kita boleh dakwa dia walaupun tak ada persetubuhan, walaupun dia tak beranak”

Tambahan lagi, sekiranya wanita itu didapati mengandung dan melahirkan anak maka ia sudah cukup untuk mensabitkan hukuman kesalahan sumbang mahram. Contohnya, dalam kes *Noor Siah Eliyas lwn Pendakwa Syarie Perak* [2004] CLJ (Sya) 196, hakim Syarie telah menjatuhkan hukuman setahun penjara setelah mendapati bahawa tertuduh telah melakukan sumbang apabila dia berkahwin dengan abang iparnya dan perhubungan mereka telah mengakibatkan kelahiran dua orang anak. Walau bagaimanapun, menurut informan lagi, sekiranya elemen-elemen itu tidak dapat dibuktikan seperti contoh elemen persetubuhan tidak dapat dibuktikan kerana tiadanya anak sama ada dalam kandungan ataupun yang sudah dilahirkan maka pertuduhan tersebut boleh dipinda kepada pertuduhan kesalahan percubaan berdasarkan enakmen negeri masing-masing.

Seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 memperuntukkan berkenaan peruntukan kesalahan percubaan yang mana ia adalah seperti yang berikut:

“(1) Mana-mana orang yang cuba-
(a) melakukan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan Hukum Syara’; atau
(b) menyebabkan kesalahan itu dilakukan,
dan dalam percubaan itu melakukan apa-apa perbuatan ke arah pelakuan kesalahan itu boleh, jika tiada peruntukan nyata dibuat dalam Enakmen ini atau undang-undang bertulis lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi hukuman untuk percubaan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.
(2) Apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan sebagai hukuman di bawah subseksyen (1) bagi suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan atau untuk menyebabkan suatu kesalahan dilakukan tidak boleh melebihi satu perdua daripada tempoh maksimum pemenjaraan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.”

Peruntukan tersebut menyatakan bahawa mana-mana orang melakukan kesalahan atau menyebabkan kesalahan itu dilakukan dan dalam percubaan, maka suatu tempoh pemenjaraan boleh dikenakan ke atas pesalah dan tidak melebihi satu per dua daripada

tempoh maksimum pemenjaraan bagi kesalahan asal. Dalam kes *Pendakwa Syarie Iwn Jalil Embong & Satu Lagi* [2005] 1 CLJ SYA 63, tertuduh 1 dan tertuduh 2 telah didapati bersalah terhadap tuduhan kesalahan ‘cuba menyebabkan berlakunya perbuatan sumbang mahram’ di bawah Seksyen 59 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, dibaca bersama dengan Seksyen 24 Enakmen yang sama dan dihukum dengan denda RM3,000 dan penjara setahun sekiranya gagal membayar denda. Berdasarkan penelitian terhadap pertuduhan, tertuduh telah mengaku secara *iqrar* bahawa mereka mempunyai nasab di mana hubungan antara mereka adalah bapa saudara dan anak saudara dan hubungan tersebut termasuk dalam golongan yang haram dinikahi seperti mana yang dijelaskan dalam Surah Al-Nisa ayat 23.

Selain itu, mahkamah mendapati bahawa mereka telah bersekediaman dan bersekedudukan dalam keadaan seperti kehidupan pasangan suami isteri semasa penangkapan dilakukan. Tambahan lagi, mahkamah juga berpendapat bahawa bilangan penghuni di dalam rumah berkenaan adalah juga elemen dalam kesalahan percubaan melakukan perbuatan sumbang mahram. Dalam kes ini, fakta bahawa tiada orang lain selain tertuduh dan seorang anak kecil tinggal di dalam rumah berkenaan jelas menunjukkan bahawa tertuduh telah cuba untuk menyebabkan perbuatan sumbang mahram. Jelaslah bahawa semua elemen kesalahan telah berjaya dibuktikan, maka mereka boleh disabitkan dengan hukuman kesalahan percubaan untuk melakukan perbuatan sumbang mahram yang diperuntukkan.

Di Negeri Sembilan peruntukan berkenaan dengan hukuman kerana mencuba melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara adalah diperuntukkan di bawah seksyen 120 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992:

“Mana-mana orang yang mencuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang bertulis dengan penjara atau denda atau dengan kedua-duanya, atau mencuba menyebabkan kesalahan itu dilakukan, dan dalam percubaan itu membuat apa-apa perbuatan bagi melakukan kesalahan itu, hendaklah jika tiada peruntukan yang nyata dibuat di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain, mengikut mana yang berkenaan, bagi hukuman percubaan itu, dihukum dengan hukuman yang ada diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh penjara yang dikenakan tidaklah boleh lebih daripada setengah daripada tempoh yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu.”

Melihat kepada peruntukan tersebut ia hampir sama dengan peruntukan kesalahan percubaan di negeri Selangor, akan tetapi peruntukan seksyen 120 ini mengkhususkan kepada bentuk kesalahan asal yang boleh dihukum dengan penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Sekiranya pesalah itu didapati mencuba atau mencuba menyebabkan kesalahan itu dilakukan dan dalam keadaan percubaan maka pesalah itu boleh dihukum penjara dengan tidak melebihi satu per dua daripada tempoh pemenjaraan asal. Namun begitu, menurut seksyen 61 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan sekiranya terdapat peruntukan khusus berkenaan percubaan kesalahan maka pesalah hendaklah dihukum dengan peruntukan tersebut iaitu seperti kesalahan percubaan persetubuhan haram. Sekiranya disabitkan dibawah peruntukan tersebut pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya serta Mahkamah boleh memerintahkan

mana-mana pesalah wanita untuk dimasukkan ke pusat pemulihan akhlak selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Peruntukan Hukuman Alternatif

Hukuman bagi kesalahan sumbang mahram di mahkamah syariah adalah sangat ringan jika dibandingkan dengan bentuk hukuman yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan, yang mana ia dilihat bersifat menghukum pesalah (Nadiah & Rositah, 2022). Informan (Pendakwa Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan) menyatakan pandangannya berkenaan dengan perbezaan hukuman di mahkamah syariah dan juga mahkamah sivil, menurutnya hukuman alternatif perlu diberikan di peringkat mahkamah syariah sebagai bentuk pemulihan serta melahirkan rasa insaf kepada diri pesalah. Informan turut menjelaskan bahawa hukuman alternatif ini juga dianggap sebagai hukuman ganti kepada hukuman asal yang diperuntukkan oleh Enakmen. Pemakaian hukuman alternatif telah diperuntukkan dalam statut Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri sekaligus memberikan kuasa kepada hakim-hakim Syarie bagi menjatuhkan hukuman berdasarkan suai manfaat seseorang pesalah selain daripada hukuman asal yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah. Seksyen 97(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan sebagai mana yang berikut:

“(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh, tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah—

(a) membuang pertuduhan atau aduan itu selepas apa-apa teguran atau amaran kepada pesalah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; atau

(c) melepaskan pesalah itu dengan syarat dia mengikat bon, dengan penjamin-penjamin, untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan hadir supaya direkodkan sabitan dan dijatuhkan hukuman apabila dipanggil pada bila-bila masa dalam tempoh itu.”

Peruntukan ini bukan sahaja diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Selangor bahkan ia juga diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri lain seperti di bawah seksyen 97(2) dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kelantan) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Johor) 2003, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pahang) 2002 dan Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Sarawak) 2001. Peruntukan seksyen 97(2) ini memberi kuasa kepada hakim Syarie untuk

mengenakan apa-apa hukuman berbentuk pemulihan mengikut suai manfaatnya setelah mengambil kira watak, latar belakang, umur, tahap kesihatan dan keadaan mental seseorang pesalah yang mana pesalah itu tidak sesuai untuk dikenakan hukuman asal (Nurhidaya, et.al, 2022).

Peruntukan mengenai hukuman pemulihan telah diperuntukkan juga dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri dimana ia menyatakan secara khusus pesalah dan jenis kesalahan yang bagaimana, hukuman menjalani pemulihan tersebut boleh dipertimbangkan oleh hakim Syarie. Seksyen 54 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 menyatakan seperti berikut:

“(1) Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 9, 10 atau 11, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang itu menjalani kaunseling atau pemulihan di suatu pusat pemulihan diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.”

Peruntukan yang sama juga telah dinyatakan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri lain seperti seksyen 55 & 56 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996, seksyen 64 & 65 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019, seksyen 55 & 56 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 dan seksyen 55 & 56 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), seksyen 67 & 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, seksyen 66 & 67 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 dan seksyen 52 & 53 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001. Peruntukan untuk menghantar pesalah ke pusat pemulihan ini adalah bergantung sepenuhnya kepada budi bicara hakim Syarie dalam memutuskan hukuman alternatif pemulihan kepada pesalah syariah (Nurhidayah & Zanariah, 2022).

DAPATAN KAJIAN

Analisis Amalan Pelaksanaan Hukuman Alternatif Pemulihan di Mahkamah Syariah

Menurut Jasri Jamal dan Hasnizam (2016), kuasa untuk menubuhkan rumah pemulihan adalah terletak di bawah kuasa negeri-negeri atau lebih tepatnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Berdasarkan kajian yang dilakukan, hasil dapatan mendapati bahawa hanya Negeri Selangor sahaja yang aktif dalam mengaplikasikan hukuman alternatif pemulihan. Hal ini berikutan apabila negeri Selangor sahaja yang mempunyai pusat-pusat pemulihan yang telah digazetkan di bawah MAIS iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (Nurhidayah, et.al, 2022). Hal ini secara tidak langsung membolehkan mahkamah syariah untuk merealisasikan peruntukan berkaitan hukuman pemulihan kepada pesalah sumbang mahram. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman alternatif adalah bergantung kepada budi bicara hakim syarie dan

penguatkuasaannya perlu disokong oleh MAIS, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga pusat pemulihan itu sendiri (Nurhidayah & Zanariah, 2022). Modul-modul pemulihan akan disediakan oleh MAIS untuk memulihkan pesalah seperti contoh, Modul Transformasi Ehsan yang digunapakai oleh Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan untuk mentransformasi prestasi sendiri pesalah daripada kurang baik kepada lebih baik selain memperbaiki kompetensi diri pesalah (Nurhidayah & Zanariah, 2022). Berdasarkan kajian terhadap program pemulihan akhlak remaja bermasalah, modul pemulihan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan telah mengaplikasikan konsep *tazkiyat al-nafs* (penyucian jiwa) sebagai proses pemulihan (Husna, et.al, 2017) kerohanian, emosi, intelek dan akhlak yang merangkumi penguasaan ilmu agama dan kemahiran, pelaksanaan ibadah, kaunseling, aktiviti-aktiviti fizikal dan juga penguatkuasaan peraturan berkaitan pemakaian, pergaulan dan kawalan sosial untuk memulihkan pesalah (Husna & Khairul, 2020).

Sementara itu, di negeri Johor, hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan tetapi ia akan dilaksanakan apabila diminta oleh pesalah atau keluarga pesalah dan pembiayaan semasa menjalani proses pemulihan di pusat pemulihan perlu ditanggung oleh pesalah itu sendiri (Nurhidayah, et.al, 2022). Manakala, di negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan Pahang, walaupun terdapat peruntukan dalam enakmen jenayah negeri masing-masing untuk menubuh dan menghantar pesalah syariah di negeri-negeri berkenaan ke rumah pemulihan, namun pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan masih belum dilaksanakan. Negeri Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Sabah pula masih belum mempunyai peruntukan undang-undang dalam mana-mana enakmen untuk menubuhkan rumah pemulihan atau pusat bimbingan (Jasri & Hasnizam, 2016).

Dari sudut fasiliti pusat pemulihan, setakat ini hanya negeri Selangor sahaja yang mempunyai pusat pemulihan khusus yang digazetkan di bawah MAIN. Pusat-pusat pemulihan yang digazetkan di bawah MAIN berperanan untuk menguatkuasakan pelaksanaan hukuman alternatif di setiap negeri di Malaysia supaya pelaksanaannya lebih efisien (Nurhidayah & Zanariah, 2022). Oleh itu, apabila tiada penubuhan pusat-pusat pemulihan di setiap negeri atau pusat pemulihan tidak digazetkan di bawah MAIN, para hakim di negeri selain Negeri Selangor tidak dapat mengeluarkan sebarang perintah penahanan pesalah syariah di mana-mana pusat bimbingan atau pemulihan. Sekiranya terdapat perintah bersaling untuk menghantar pesalah syariah ke Negeri Selangor, bilangan pesalah yang dihantar adalah amat sedikit kerana kesulitan pengurusan (Jasri & Hasnizam, 2016).

Keberkesanan Perlaksanaan Hukuman Alternatif Pemulihan

Berikut merupakan beberapa contoh analisis kes yang menunjukkan keberkesanan hukuman berbentuk pemulihan ke atas pesalah-pesalah kesalahan jenayah syariah (Nurhidayah & Zanariah, 2021).

i. *Pendakwa Syarie Iwn. Noorul Nadia Yahaya (10002-139-0314-2014)*

Tertuduh dalam kes ini telah dipertuduhkan di bawah peruntukan Seksyen 18(1) EJS (Negeri Selangor) 1995. Hakim telah memutuskan pesalah dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan selama empat bulan. Pegawai yang pusat perlindungan tersebut melaporkan bahawa, tertuduh telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam setiap modul pemulihan.

ii. *Pendakwa Syarie lwn. Hazimah Mohd Hariri (10021-143-0186-2019)*

Dalam kes ini, tertuduh telah dipertuduh kesalahan bawah Seksyen 29(1) (b) EJS (Negeri Selangor) 1995. Tertuduh telah diputuskan oleh Hakim untuk dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan selama tiga bulan untuk menjalani pemulihan. Berdasarkan laporan daripada pegawai pusat perlindungan tersebut, prestasi tertuduh amatlah memuaskan sepanjang mengikuti modul pemulihan yang disediakan.

iii. *Pendakwa Syarie lwn. Muhammad Alif Amzar Zainudin (10021-143-0043-2020)*

Tertuduh dalam kes ini telah dipertuduh di bawah kesalahan Seksyen 29(1)(a) EJS (Negeri Selangor) 1995. Hakim telah memutuskan bahawa pesalah hendaklah menjalani pemulihan di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman menurut peruntukan Seksyen 97(2) ETJS (Negeri Selangor) 2003 selama enam bulan. Sepanjang mengikuti modul pemulihan, tertuduh dilaporkan telah menunjukkan sikap yang baik.

Justeru, perintah hukuman alternatif berbentuk pemulihan di pusat pemulihan dilihat dapat memberikan impak yang positif ke atas pesalah. Maka, amatlah sesuai supaya pesalah bagi kesalahan percubaan sumbang mahram juga dikenakan hukuman berbentuk pemulihan agar objektif hukuman berdasarkan prinsip syariah dapat direalisasikan dan dapat menginsafkan pesalah agar tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan.

CADANGAN PENYELESAIAN

Dalam membicarakan pelaksanaan hukuman alternatif adalah dicadangkan agar wujudnya peruntukan khusus serta urus tadbir hukuman alternatif. Hal ini demikian kerana hanya beberapa buah negeri sahaja yang memasukkan peruntukan hukuman alternatif dalam enakmen masing-masing iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu dan Pahang. Kesannya, Hakim Syarie mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman berbentuk alternatif selain daripada hukuman asal. Penubuhan pusat pemulihan di setiap negeri adalah perlu dan ia hendaklah digazetkan di bawah kuasa MAIN yang akan melancarkan lagi urus tadbir pelaksanaan hukuman alternatif. MAIN juga bertanggungjawab untuk menyediakan garis panduan dalam melaksanakan program-program komprehensif yang berbentuk pemulihan, pendidikan, kaunseling atau kerja-kerja amal. Jawatankuasa khas juga perlu dibentuk bagi menyusun serta merangka program-program pemulihan atau modul-modul transformasi yang berkesan dengan pemantauan yang rapi dalam melaksanakan perintah alternatif. Manakala, Jabatan Kehakimah Syariah Malaysia dengan kerjasama Ketua-ketua Hakim Syarie akan menyediakan satu modul atau arahan amalan yang menjadi rujukan mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman alternatif diberikan ke atas pesalah. Maka dengan itu, objektif maqasid syariah dapat dicapai yang mana hukuman yang diberikan kepada pesalah itu adalah untuk memberikan pengajaran bukan sahaja kepada pesalah malah kepada masyarakat setempat.

Hukuman berbentuk pemulihan ini berkait rapat dengan hukuman alternatif yang telah diperuntukkan dalam statut-statut perundangan Syariah. Keperluan melaksanakan hukuman alternatif yang berbentuk pemulihan adalah penting bagi menggantikan hukuman nominal yang sedia ada menurut Akta 355 kerana hukuman maksima yang diperuntukkan dilihat semakin kurang relevan dalam memberi keinsafan serta pemulihan kepada pesalah Syariah khususnya (Mohd Sabree Nasri, 2018). Selain itu, hukuman alternatif pemulihan amat

penting sebagai salah satu langkah membendung masalah sosial dan keruntuhan akhlak pada zaman sekarang khususnya golongan-golongan yang kurang didikan agama yang seringkali terlibat dalam kesalahan berkaitan kesusilaan seperti percubaan sumbang mahram serta seterusnya membendung sebarang perlakuan yang membawa kepada persetubuhan haram. Sungguhpun mahkamah boleh memerintahkan mana-mana pesalah wanita untuk dimasukkan ke pusat pemulihan akhlak selama tempoh tidak melebihi dua tahun bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram, namun turut dicadangkan agar hukuman tersebut dapat diberikan kepada pesalah lelaki dan bentuk hukuman perlulah lebih komprehensif.

PENUTUP

Kesimpulannya, artikel ini menekankan kepentingan pelaksanaan hukuman alternatif bagi kesalahan percubaan sumbang mahram di Mahkamah Syariah sebagai langkah yang lebih efektif dalam mendidik dan memulihkan pesalah. Hasil kajian menunjukkan bahawa hukuman alternatif berbentuk pemulihan mampu memberikan impak yang positif ke atas pesalah dengan membantu mereka membina semula akhlak dan menginsafkan diri agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Selain itu, pelaksanaan hukuman alternatif ini juga dilihat lebih sesuai dengan prinsip syariah yang menekankan aspek pemulihan dan pencegahan daripada sekadar hukuman yang bersifat retributif. Penubuhan pusat-pusat pemulihan yang khusus di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pula adalah langkah yang signifikan untuk memastikan pelaksanaan hukuman ini dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan menyeluruh di seluruh negara, yang seterusnya akan meningkatkan keberkesanan sistem perundangan Syariah di Malaysia.

Sebagai langkah ke hadapan, adalah dicadangkan agar peruntukan undang-undang yang lebih komprehensif dan modul pemulihan yang lebih terperinci diperkenalkan untuk menambah baik sistem penghukuman di Mahkamah Syariah. Di samping itu, penglibatan aktif pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri, dan institusi-institusi pemulihan adalah amat diperlukan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan hukuman alternatif ini. Justeru, dengan adanya urus tadbir yang teratur serta modul pemulihan yang menyeluruh, objektif maqasid syariah dapat direalisasikan dengan lebih berkesan, iaitu untuk memberikan pengajaran bukan sahaja kepada pesalah tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya. Langkah ini bukan sahaja akan membantu dalam membendung masalah sosial yang semakin meruncing, tetapi juga memperkukuh sistem perundangan Islam di Malaysia, memastikan ia terus relevan dan berkesan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah.

RUJUKAN

- Adam Seymour. 2013. *The Authorization of Incest in Islam*. *Booksie*. <https://www.booksie.com/posting/adam-seymour/the-authorization-of-incest-in-islam-321115> [2 Disember 2022].
- Azizah Othman. 2004. *Fenomena Sumbang Mahram di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia*. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1815/1/11.pdf> [28 Disember 2022].
- Hammad Mohamad Dahalan, Mohamad Affendy Junaidi, Mohamad Rizal Abd. Rahman, Nur Khalidah Dahlan & Mohamad Azhan Yahya. 2021. *Prosedur Tata tertib Peguam Syarie di Mahkamah Syariah: Analisis dari Perspektif Prinsip Syariah*. *ISLĀMIYYĀT 43(Isu Khas) 2021*, 153 – 163.

- Hasnizam Hashim, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zulfaqar Mamat, Ahmah Shukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib & Norma Jusof. 2021. Salah Faham Terhadap Konsep Hukuman Keseksaan dalam Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia: Suatu Penjelasan Daripada Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah, *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization*, hlm 642-653.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2016. Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-Negeri. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 4: 1-16.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ahmad Kilani Mohamed & Azhar Muhammad. 2003. Jenayah Sumbang Mahram: Perkembangan dan Faktor Penyebarannya. *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ketiga*, hlm 1-11.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azhar Idris. 2019. Sumbang Mahram dan Hilangnya Rasa Malu. *Utusan Malaysia*. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2019/01/01/sumbang-mahram-dan-hilangnya-rasa-malu/> [28 Disember 2022].
- Mardia Mazri. 2020. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-385: Kedudukan Hukuman Zina Setelah Bertaubat. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4077-irsyad-al-fatwa-siri-ke-385-kedudukan-hukuman-zina-setelah-bertaubat> [5 Januari 2023].
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff & Suhaizad Saifuddin. 2023. Application Of Principles Of Chain Of Evidence And Chain Of Custody During Storage And Forensic Examination Of Electronic Documentary Evidence In Shariah Criminal Cases In Malaysia. *IIUM Law Journal*, Vol 31 (S1) 2023, 143 – 164.
- Mohd Sabree Nasri. 2018. Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance* 1 (1): 77-90.
- Muhammad Afham Ramli. 2021. Bapa Kandung paling ramai ‘ratah’ anak. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/132679/bapa-kandung-paling-ramai-lsquotratah-squo-anak> [1 Januari 2023].
- Muhammad Ayman Ghaffa. 2022. Buruh Kampung dicekup ‘ratah’ anak kandung sejak setahun. *Kosmo!* <https://www.kosmo.com.my.eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/2022/03/28/buruh-kampung-dicekup-ratah-anak-kandung-sejak-setahun> [31 Disember 2022].
- Nadiah Mohd Zin & Rositah Kambol. 2022. Sumbang Mahram (Inses): Satu perbandingan antara Undang-Undang Jenayah Islam dan Undang-Undang Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance* 4 (1): 16-29.
- Nurhidayah Azahari & Zanariah Dimon. 2021. Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam di Malaysia. *International Conference on Syariah & Law*, hlm 44-56.
- Nurhidayah Azahari & Zanariah Dimon. 2022. Amalan Semasa Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Hukuman Alternati Pemulihan Menurut Undang-Undang Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat* 5 (2): 1-15.
- Nurhidayah Azahari, Zanariah Dimon & Mohd Farok Mat Nor. 2022. Keperluan Pelaksanaan Hukuman Alternatif Sebagai Pemulihan Efektif Kepada Pesalah Syariah. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference*, hlm 34-48.

- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. 2020. Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7 (2): 219-234.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. 2017. Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari* 9 (2): 261-274.
- Sabariah Salleh. 2018. Sumbang Mahram: Suatu Perbincangan. *Jabatan Agama Islam Selangor*. <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?id=450&k=sumbang%20mahram> [28 Disember 2022].
- Siti Zubaidah Ismail. 2011. Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Shariah Law Reports* 4: xxv.
- Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suhaizad Saiduddin. 2023. Kesalahan sumbang mahram di Mahkamah Syariah. Temu bual, 9 Januari.
- Wan Ramizah Hasan & Mohd Farid Ravi Abdullah. 2020. Menangani Masalah Zina menurut Perspektif al-Quran dan Sunnah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7 (1): 49-63.

Rujukan Statut

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Malaysia) (Akta 355).
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992.
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991.
- Enakmen Jenayah Syariah (Kedah) 2014.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Johor) 2003.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pahang) 2002.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.
- Kanun Keseksaan (Malaysia) (Akta 574).
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001.
- Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Sarawak) 2001.

Rujukan Kes

Amir Eiskandar Cik Mat lwn Pendakwaraya [2017] 1 LNS 547.

Mat Haron lwn Pendakwaraya [2015] 1 LNS 1131.

Noor Siah Eliyas lwn Pendakwa Syarie Perak [2004] CLJ (Sya) 196.

Pendakwa Hal Ehwal Agama Terengganu v Nor Thuraya bt Salleh [2015] 2 SHLR 44.

Pendakwa Syarie lwn Jalil Embong & Satu Lagi [2005] 1 CLJ SYA 63.

Pendakwa Syarie lwn M. Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor. Kes Jenayah

Bil: 10008-143-0083-2016.

<https://www.jakess.gov.my/pdf/KoleksiPengahakimanMRS/2018/Pendakwa%20Syarie%20lwn%20M.pdf> [16 Januari 2023].